



16 OCT, 2025

Gangguan di Melaka punca blackout di Lembah Klang, JB

Kosmo, Malaysia



Gangguan di Melaka punca *blackout* di Lembah Klang, JB

PETALING JAYA – Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengesahkan insiden gangguan bekalan di Stesen Penjana Bebas, Edra Power Plant di Melaka menjadi punca kawasan di sekitar Lembah Klang dan Johor Bahru terputus bekalan elektrik petang semalam.

TNB menerusi kenyataan memaklumkan, keadaan itu berlaku akibat masalah terpelantik di stesen berkenaan semalam.

"Pasukan teknikal TNB sedang berusaha memulihkan bekalan secara berperingkat kepada pengguna yang terjejas.

"TNB menasihatkan orang awam untuk segera melaporkan sebarang gangguan bekalan elektrik dengan menghubungi talian

15454, mesej di Facebook *TNB Careline* atau di X *@Tenaga_Nasional* atau e-mel kepada *tnb-careline@tnb.com*," katanya.

Dalam kenyataan berbeza, TNB berkata, bekalan yang terjejas kemudiannya pulih secara berperingkat bermula pukul 5.30 petang semalam.

"Setakat pukul 5.30 petang bekalan di kawasan Damansara City, Sri Hartamas, Danau Desa, SPPK Cheras, Ampang, Bukit Jalil, Sri Damansara, Kota Puteri di Lembah Klang serta Pasir Gudang Darat di Johor telah dipulihkan," katanya.

Dalam pada itu, ribuan pengguna di seluruh negara berdepan masalah berikutan susulan bekalan elektrik terputus secara se-

rentak sekitar Lembah Klang.

Gangguan yang berlaku kira-kira pukul 4.15 petang itu melibatkan beberapa kawasan di Lembah Klang.

Semakan *Kosmo!* mendapati, beberapa pusat beli-belah di sekitar Lembah Klang dilaporkan bergelap.

"Satu pusat beli-belah gelap. Macam mana nak keluar ini?," komen pengguna media sosial di aplikasi X.

"Pusat beli-belah di Damansara pun *blackout*," komen pengguna di X.

"Kawasan Batu Gajah, Pusing dan Papan juga tiada elektrik sehingga lampu isyarat pun tergendala," komen pengguna di Threads.



GAMBAR yang dikongsikan seorang pengguna media sosial ketika berada di sebuah pusat beli-belah di Kuala Lumpur semalam.